

09 DEC 2001

Imam-Intifada

IMAM MASJID AL AQSA KECAM TEKAMAN AS-ISRAEL KE ATAS ARAFAT

Oleh: Shakir Husain

DUBAI, 9 Dis (Bernama) -- Imam Masjid Al Aqsa Sheikh Ikrima Sabri menggesa negara-negara Islam supaya bersatu bagi menentang tindakan Amerika Syarikat (AS) dan Israel yang menekan Presiden Palestin Yasser Arafat supaya menghentikan intifada.

Beliau menggesa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan bermesyuarat di Doha Isnin ini bagi membincangkan isu Palestin, supaya membantah tekanan oleh AS-Israel ke atas Arafat.

Sabri yang sedang melawat Emeriah Arab Bersatu, berkata negara-negara Arab dan Islam tidak harus bertindak sekadar "mengutuk tindakan ganas Israel."

"Pemimpin Islam mempunyai tanggung jawab untuk bertindak terhadap resolusi-resolusi yang diluluskan. Mereka perlu bersatu dan bercakap satu suara," kata Sabri kepada Bernama.

Beliau berkata perjuangan kumpulan Hamas menentang Israel yang menduduki wilayah Palestin bukan "keganasan" seperti yang dituduh oleh AS.

Mereka berjuang untuk pembebasan dan hak penduduk Palestin, katanya.

"Tuduhan yang dilemparkan adalah tidak berasas. Hamas melancarkan perjuangan yang sah. Menentang pendudukan bukan keganasan," tambahnya.

Imam Al Aqsa itu juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Ucapan itu disampaikan semasa beliau berjumpa Duta Besar Malaysia Datuk Syed Hussein Al Habshee.

Sabri memuji Dr Mahathir kerana menyokong kuat perjuangan Palestin.

Beliau yang melawat Malaysia pada 1992 turut melahirkan keinginan untuk melawat Malaysia sekali lagi.

-- BERNAMA

SKH HS MOZ